

21/09/2002

Kementerian sedia cari negara lain tempatkan pelajar Malaysia

SEREMBAN, Jumaat - Kementerian Pendidikan sedia menimbang untuk mencari negara yang yang tidak mempunyai banyak kerendah bagi menempatkan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran peringkat tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim, berkata masalah yang dihadapi kira-kira 150 pelajar lelaki Islam yang gagal meneruskan pengajian di Amerika Syarikat kerana masalah mendapatkan visa, menyebabkan kementerian mempertimbangkan mencari negara baru.

"Kalau kita rasa negara itu tidak tentu arah, sekejap bagi sekejap tidak bagi, kita sedia pertimbangkan negara lain.

"Ini pandangan kementerian, sudah tentu faktor ini (kes 150 pelajar berkenaan) akan diambil kira," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa MCA negeri di Wisma MCA di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Malaysia mungkin mencari destinasi lain bagi pelajar yang gagal meneruskan pengajian di Amerika Syarikat.

Katanya, keengganan Amerika Syarikat mengeluarkan visa kepada pelajar berkenaan adalah malang dan kerajaan akan mencari jalan lain bagi kepentingan mereka.

Selasa lalu, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, mendedahkan lebih 150 pelajar berkenaan yang pulang bercuti gagal meneruskan pengajian di Amerika Syarikat kerana keengganan negara itu mengeluarkan visa kepada mereka sejak sebulan lalu.

Selain itu, kira-kira 1,000 pelajar termasuk yang lulus cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, masih menunggu permohonan visa mereka untuk melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat.

Berdasarkan rekod Kedutaan Malaysia di Washington, kini ada kira-kira 8,000 pelajar Malaysia di pelbagai universiti di seluruh Amerika Syarikat.

Hon berkata, pelajar negara ini boleh melanjutkan pengajian di negara lain yang juga mempunyai universiti berkualiti.

Beliau menyifatkan keengganan Amerika Syarikat memberikan visa sebagai tidak wajar kerana pelajar berkenaan bukan pegganas, tetapi ke negara itu untuk belajar.

"Mereka ditaja oleh kerajaan, tetapi mereka melayan pelajar kita sebagai pegganas. Pelajar menjadi mangsa kerana surat tawaran universiti telah diperoleh tetapi tidak boleh pergi," katanya.

Beliau berkata, pelajar tidak boleh menunggu hingga enam bulan untuk mendapatkan visa kerana universiti memberikan tempoh antara sebulan hingga dua bulan untuk mendaftar.

Hon berkata, Amerika Syarikat sepatutnya membantu pelajar negara ini belajar di negara itu.